



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
MENTERI DALAM NEGERI**

MENGENAI

PROGRAM PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI) PULANG KE NEGARA ASAL (BACK FOR GOOD)

18 JULAI 2019

-
1. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia akan melaksanakan Program Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Pulang Ke Negara Asal (Program *Back For Good*) bagi memberi peluang kepada warga asing yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) untuk pulang ke negara asal secara sukarela mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Kesalahan PATI di bawah Akta 155 ini meliputi Seksyen 15(1)(c) kerana tinggal lebih masa dan Seksyen 6(1)(c) tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.
 2. Program ini telah mendapat kelulusan dari Pejabat Peguam Negara dan akan bermula dari 1 Ogos 2019 hingga 31 Disember 2019. Bayaran kompaun sebanyak RM700 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus) sahaja dikenakan bagi setiap warga asing yang menyertai program ini. Warga asing terlibat hendaklah membawa dokumen perjalanan yang sah (pasport dan sijil perjalanan kecemasan) serta tiket untuk pulang ke negara asal dalam tempoh tujuh hari.
 3. Program ini akan dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia di Semenanjung Malaysia sahaja tanpa penglibatan pihak ketiga (vendor atau ejen). JIM telah menyediakan lebih 80 kaunter di Pejabat Imigresen seluruh Semenanjung bagi menjayakan program ini.

4. Jabatan Imigresen Malaysia telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak Kedutaan Asing di Malaysia pada 12 Julai 2019 dan satu taklimat mengenai program telah diadakan. Pihak Kedutaan Asing di Malaysia diharap memberi kerjasama sepenuhnya dalam pengeluaran dokumen perjalanan kepada rakyat masing-masing yang menyertai program ini. Jabatan Imigresen juga telah mengadakan sesi libat urus bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 10 Julai 2019 dan penyelarasan tindakan dibuat bagi memberi peluang kepada PATI yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah hadir ke Jabatan Imigresen Malaysia untuk menyertai program ini.

5. Justeru, saya menyeru kepada semua warga asing supaya mengambil kesempatan ini untuk balik ke negara asal atau berhadapan dengan tindakan undang-undang jika masih berdegil. Operasi penguatkuasaan akan terus dijalankan secara agresif bagi memburu PATI dan mana-mana individu yang bersekongkol dengan mereka.

YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
MENTERI DALAM NEGERI

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media ini sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03 – 8886 3407 / 8533 / 3406 / 8451 / 8524.